

Video Origami bawa tuah

Oleh MOHAMMAD YASIR JAAFAR

utusanN9@utusan.com.my

■ SEREMBAN 23 DIS.

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) tidak pulang dengan tangan kosong apabila berjaya menggondol Anugerah Media Kreatif menerusi penyertaan video bertajuk *Origami* dalam Anugerah Visual Kreatif ketiga, baru-baru ini.

Pertandingan anjuran Universiti Sains Malaysia (USM) itu terbuka kepada penuntut universiti dalam dan luar negara bagi merebut beberapa kategori anugerah seperti Idea Kreatif, Perfileman Terbaik, Kesan Visual Terbaik, Suntingan Terbaik, Hadiah Juri, Dokumentari dan Drama Terbaik.

Sebanyak 12 video yang disenarai pendek oleh panel juri dan video *Origami* yang dihasilkan empat penuntut USIM yang membawa nama kumpulan Light Motion Production telah memenangi kategori berkenaan.

Kumpulan tersebut dianggotai oleh Zainal Hakim Zakaria, Aiman Nasaruddin, Ahmad Hafiz Mislachuddin, Fairus Abdul Manaf, Maisarah Mohammad, Mohammad Nor Amin Jamaluddin, Jasmi M. Zain dan Muhammad Safuan Fadzil.

Kejayaan itu menyaksikan mereka membawa pulang hadiah berupa baucer buku bernilai RM500, piala dan sijil penghargaan.

Menurut Aiman yang juga merupakan penyunting video

kumpulan tersebut, mereka sendiri tidak menyangka dengan kemenangan ini kerana video yang dipertandingkan pada pertandingan tersebut hebat belaka.

"Light Motion Production menghantar tiga video ke pertandingan ini, Alhamdulillah dua daripadanya disenarai pendek.

"Dua video tersebut ialah *Origami* yang mengisahkan mengenai pelajar sekolah yang menghidap penyakit disleksia dan *Dua Lebih Baik* yang menonjolkan kisah seorang lelaki yang melakukan pengorbanan dalam pengorbanan," katanya.

Jelasnya, kejayaan itu akan menjadi pendorong bagi kumpulannya untuk menghasilkan lebih banyak video berteraskan idea kreatif.



KUMPULAN Light Motion Production (dari kiri) Aiman Nasaruddin, Fairus Abdul Manaf, Maisarah Mohammad dan Ahmad Hafiz Mislachuddin menggondol Anugerah Media Kreatif menerusi penyertaan video bertajuk *Origami* dalam Anugerah Visual Kreatif ketiga di Seremban, Negeri Sembilan, baru-baru ini.